

Keperluan Polisi Anti-Gangguan Seksual dan Kod Amalan Anti-Gangguan Seksual

Abstrak

Gangguan seksual adalah satu perbuatan yang tidak diinginkan yang sering berlaku di kalangan semua gender tidak kira lelaki atau wanita. Gangguan seksual boleh berlaku kepada sesiapa sahaja dan di mana-mana sahaja termasuk di Institusi Pengajian Tinggi (IPTA/S) di Malaysia. Gangguan seksual di institusi pengajian tinggi memberikan kesan negatif kepada pelajar termasuklah trauma, masalah psikologi serta boleh mencemar nama baik universiti. Justeru artikel ini membincangkan berkaitan definisi gangguan seksual secara khusus, mengupas fenomena gangguan seksual semasa, mengenalpasti bentuk-bentuk gangguan seksual yang wujud di Universiti Kebangsaan Malaysia serta menganalisis sejauhmana polisi anti-gangguan seksual diperlukan di Universiti Kebangsaan Malaysia secara khusus dan di IPTA/S seluruh Malaysia secara umumnya. Penulisan hasil kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Sumber-sumber utama termasuklah temubual responden, artikel dalam jurnal, buku ilmiah dan laporan berkaitan gangguan seksual digunapakai bagi memperkukuhkan dapatan kajian. Pada masa ini hanya terdapat tiga buah IPTA di Malaysia yang mempunyai kod amalan pencegahan gangguan seksual secara khusus iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Untuk menangani dan mengawal fenomena gangguan seksual perlu polisi anti gangguan seksual diwujudkan di IPTA/S di Malaysia. Justeru, kajian ini mencadangkan agar satu polisi pencegahan gangguan seksual yang khusus dibentuk untuk dilaksanakan di semua IPTA/S di Malaysia.

Kata Kunci: Gangguan Seksual, Polisi Gangguan Seksual, Keselamatan Pelajar, Institut Pengajian Tinggi